

Sesak di Simpang Bindu akan diteliti

Lampu isyarat wajar dibina di laluan berkenaan elak kemalangan berterusan

BATU PAHAT - Rungutan orang ramai yang menggunakan Jalan Tongkang Pechah-Bukit Pasir dan Jalan Bindu, di sini, berkaitan kesesakan di laluan berkenaan terutama pada waktu puncak akan diteliti.

Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Ab Aziz Kaprawi berkata, bagi mengatasi masalah itu, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah.

Menurutnya, pihaknya sudah maklum mengenai masalah itu dan bersetuju kemudahan lampu isyarat perlu dibina di laluan berkenaan kerana kadar kemalangan yang terlalu tinggi di persimpangan jalan tersebut, terutama membabitkan kemalangan maut.

"Jika bukan sekarang, satu masa nanti persimpangan ini akan memerlukan juga lam-



Ab Aziz (tengah) bersama mereka yang berjaya merangkul anugerah dalam Anugerah Kolej Kediaman UTHM 2016.

pu isyarat, terutamanya apabila sekolah agama dekat situ siap dibina.

"Sebenarnya persimpangan Jalan Bindu ini adalah simpang empat, namun disebabkan sekolah agama yang di-

rancang pembinaannya belum siap, kita jadikan simpang tiga dahulu.

"Apabila sekolah agama dan beberapa projek perindustrian berhampiran siap, ia akan menjadi simpang empat.

Sudah tentu ia memerlukan lampu isyarat ketika itu, adalah lebih baik kita bina sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Anugerah

Kolej Kediaman, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 2016, semalam.

Tambah Ab Aziz, dalam masa sama pihaknya juga akan mengkaji untuk membesarkan persimpangan jalan berkenaan,

di mana sekarang ini hanya mempunyai satu lorong untuk setiap arah.

Ujarnya, di setiap persimpangan jalan ini dirancang akan diwujudkan sekurangnya dua lorong atau lebih, bergantung kepada jumlah kenderaan yang menggunakan jalan berkenaan bagi setiap arah.

"Namun, kita akan buat kajian terlebih dahulu sama ada jalan ini sesuai dilebarkan atau sebaliknya, tapi pada dasarnya setiap persimpangan yang mempunyai lampu isyarat sememangnya perlu lebar.

"Kita juga akan berbincang dengan JKR untuk melihat jalan itu mempunyai rizab atau tidak untuk dibesarkan, jika tiada kita terpaksa ambil tanah yang berada di kawasan berkenaan untuk keselesaan penggunaan jalan raya," katanya